

RUMUSAN

Baca petikan di bawah dengan telitinya. Tulis satu rumusan yang panjangnya antara 80 hingga 100 patah perkataan.

Banjir kilat yang berlaku banyak mendatangkan kerosakan dan kemusnahan terhadap kemudahan awam, kawasan perumahan dan persekitaran. Malah turut mengorbankan nyawa dan harta benda dalam sekelip mata.

Banjir kilat dapat ditangani seandainya semua pihak komited untuk menyelesaikannya. Pemeriksaan secara berkala wajarlah dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan di kawasan-kawasan yang berisiko tinggi untuk dilanda banjir seperti di kawasan longkang atau parit yang lemah sistem pengairannya. Tindakan yang lebih drastik seperti memperdalam parit atau sungai hendaklah dilaksanakan agar laluan air hujan dapat mengalir dengan lancarnya sekali gus mengurangkan risiko kawasan tersebut dilimpahi air sebagai akibat tersekat.

Kepupusan hutan ekoran penerokaan hutan secara berleluasa dikenal pasti sebagai punca utama berlakunya aliran air hujan yang di luar jangkaan. Air lebihan akan menuruni cerun kemudian terkumpul di kawasan rendah lalu mencetuskan banjir kilat. Pemeliharaan hutan dapat berfungsi sebagai kawasan tadahan hujan dan bertindak untuk melewatkan lebihan air di permukaan.

Banjir kilat dapat dicegah dengan cara mengawal aktiviti dan sikap manusia juga. Aktiviti membuang sisa-sisa pembinaan dan perkilangan ke dalam sungai wajar disekat kerana menyebabkan terganggunya kelancaran aliran air. Sikap suka membuang sampah sarap sesuka hati ke dalam sungai perlu diubah juga. Pembuangan sisa pepejal akan menyebabkan berlakunya timbunan mendapan di sungai sehingga tidak dapat menampung kapasiti air.

Selain itu, banjir kilat dapat diatasi seandainya pembangunan di satu-satu kawasan tidak mengabaikan aspek-aspek sistem peparitan yang efisien untuk jangka panjang. Kegagalan pemaju menyediakan kemudahan ini secara teratur akan menyebabkan kawasan yang baru dibuka itu terdedah pada risiko banjir kilat.

Tulis satu rumusan mengikut turutan isi yang betul.

Rumusan membincangkan _____.

Antara tindakannya ialah _____.

Selain itu, _____.

Di samping itu, _____.

Seterusnya, _____.

_____ mestilah _____ agar

_____.